



## **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

### **PERATURAN E-SPORTS MLBB**

#### **1.0 NAMA**

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### **2.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

3.1 Permainan adalah berdasarkan Custom Room -> Draft Pick dimana beberapa squad akan bertarung di dalam 'Room' yang akan disediakan.

3.2 Oleh kerana pertandingan ini adalah secara 'online' peserta bertanggungjawab untuk bersedia pada hari pertandingan dan sebelum pertandingan bermula.

- Jika 1 pasukan itu tidak memberi response pada hari pertandingan, maka 1 pasukan itu automatik tersingkir.
- Jika 1 pemain tidak memberi response, maka 1 pasukan bertanggungjawab untuk memanggil teammate mereka itu, dan akan diberi masa.
- Jika melebihi masa yang diberi, maka 1 pasukan itu automatic tersingkir, pihak penganjur berhak menyingkirkan mana-mana pasukan yang tidak memberi respond dalam masa terdekat, perkeputusan pihak penganjur.

3.4 Pemain tidak dibenarkan menggunakan emulator atau sebarang penggunaan 'cheat', sekiranya penganjur mendapati ada yang melakukan

sedemikian, akan disingkirkan serta merta. Sebarang masalah ‘lagging’ atas tanggungjawab sendiri.

Contoh penipuan:

- **Ghosting** (dimana pemain/teman kenalan melihat aliran pemain lawan untuk mendapatkan kelebihan semasa perlawanan)
- **Account Sharing** (dimana peserta memberikan Account mereka kepada orang lain untuk bermain pada hari pertandingan bagi pihak mereka)
- **Piloting** (dimana peserta memberi pemain(bukan peserta) untuk main di pihak mereka)

3.5 Pemain diharap berkelakuan dan bersaing dengan semangat kesukanan, mengekalkan sikap mesra dan sopan semasa dalam pertandingan, sebarang kata-kata kesat patut dielakan dan jika didapati peserta itu berkelakuan sedemikian, maka 1 pasukan itu akan diberi penalti.

3.6 Pihak penganjur berhak membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut syarat pertandingan. Segala masalah berkaitan jaringan internet, data dan lain lain adalah ditanggung sendiri oleh pemain.

#### 4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

5.1 Pertandingan Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
JUMLAH	6	1

5.2 **Borang Pendaftaran** yang telah disahkan oleh Pengetua/Pengurus Kolej hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengelolan Sukan, Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia.

5.3 Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas sesuatu pertandingan dimulakan.

## **6.0 REFERI KEHORMAT/KETUA PENGADIL/PENGADIL**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **7.0 PERALATAN**

7.1 Jika ada sebarang masalah dari segi lagging kerana line connection adalah tanggungjawab masing-masing.

7.2 Peserta dinasihatkan untuk mencari 1 tempat yang mempunyai Internet Connection yang tinggi semasa hari pertandingan.

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

8.1 Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

8.2 Pertandingan akan dijalankan secara online di tempat masing-masing.

8.3 Pasukan bagi setiap kolej perlu bersiap sedia di tempat masing-masing dan menunggu pihak penganjur untuk invite masuk ke dalam lobby yang akan disediakan.

8.4 Ketua pasukan dan wakil mesti berada di dalam group whatsapp untuk mendapatkan id dan password bagi pertandingan.

8.5 Sebarang keputusan daripada pihak penganjur kejohanan adalah muktamat sebarang bantahan tidak akan dilayan

## **9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

9.1 Pungutan mata bagi liga ini berdasarkan 'crystal' yang dimusnahkan.

## **10.0 KELEWATAN**

Sebarang kelewatan dari pemain yang lambat memberi respond pada hari pertandingan tidak akan diendahkan sama sekali dan boleh menyebabkan mereka tersingkir dari pertandingan.

## **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.



## **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

### **PERATURAN E-SPORTS PUBGM**

#### **1.0 NAMA**

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### **2.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

- 3.1 Pertandingan akan dijalankan secara offline di tempat yang telah disediakan.
- 3.2 Pemain atau atlit wajib menghadiri ke lokasi pertandingan pada waktu pertandingan tersebut. Jika didapati ada pemain yang bermain secara online secara automatic pasukan tersebut akan disingkirkan dari pertandingan
- 3.4 Perbuatan team up sangat tidak dibenarkan sama sekali.
- 3.5 Penggunaan mic all semasa perlawanan berlangsung turut tidak dibenarkan.

#### **4.0 KELAYAKAN**

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

### 5.1 Pertandingan Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
JUMLAH	5	1

5.2 **Borang Pendaftaran Online** yang telah disahkan oleh Pengetua/Pengurus Kolej hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengeloaan Sukan, Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia.

5.3 Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas sesuatu pertandingan dimulakan.

## 6.0 REFERI KEHORMAT/KETUA PENGADIL/PENGADIL

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## 7.0 PERALATAN

7.1 Penggunaan cheat, emulator dan ipad tidak dibenarkan sama sekali.

7.2 Penggunaan Flaregun di dalam permainan juga sangat tidak dibenarkan dan sekiranya ade pemain yg menggunakannya maka seluruh pasukan tersebut akan digugurkan

7.3 Jika ada sebarang masalah dari segi lagging itu tidak akan dititikberatkan kerana line connection adalah dari tanggungjawab masing-masing.

7.4 Setiap pemain perlu menyediakan alatan dari pihak masing-masing contohnya seperti earphone, powerbank dan kegunaan yang akan digunakan semasa pertandingan dijalankan. Pihak penganjur tidak menyediakan power supply semasa kejohanan ini berlangsung

7.5 Kerusi dan meja disediakan oleh pihak Akademi Sukan tetapi dalam bilangan yang terhad sahaja.

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 8.1 Pertandingan akan dijalankan secara offline atau face to face di tempat yang telah disediakan kelak.
- 8.2 Pasukan bagi setiap kolej perlu bersiap sedia untuk menghadiri ke lokasi pertandingan pada masa yang ditetapkan.
- 8.3 Pertandingan akan berlangsung selama 2 hari (5 match perday) yang dipertandingkan. Jumlah mata yang dikumpulkan selama 2 hari tersebut akan dijadikan jumlah keseluruhan untuk menentukan pemenang bagi kategori (L) dan (W). Hanya 2 kategori sahaja yang akan dipertandingkan.
- 8.4 Setiap peserta diwajibkan untuk download seluruh map yang akan dipertandingkan
- 8.5 Ketua pasukan dan wakil mesti berada di dalam group whatsapp id pass untuk mendapatkan id dan password bg pertandingan.
- 8.6 Sistem mata yang akan digunakan adalah berdasarkan sistem pemarkahan dari PMPL S4 atau updated point system.
- 8.7 Mode perlawanan adalah TPP (Third Person Perspective) sahaja
- 8.8 Sebarang keputusan daripada pihak penganjur kejohanan adalah muktamat sebarang bantahan tidak akan dilayan

## **9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

- 9.1 Kategori: Squad (L) dan Squad (W)
- 9.2 Sistem Pemarkahan: PMPL S4
- 9.3 Peta: Erangel, Miramar, Sanhok & Livik
- 9.4 5 Match/per day: E M S L E

## **10.0 KELEWATAN**

Sebarang kelewatan dari pemain untuk menghadiri ke lokasi pertandingan tidak akan diendahkan sama sekali.

#### **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### **14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### **15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PERATURAN BADMINTON (L & W)

#### 1.0 NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### 2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain dari peraturan yang terkandung, sukan ini akan dijalankan mengikut undang-undang permainan Persekutuan Badminton Sedunia (BWF) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Pada peringkat kumpulan dan suku akhir, semua acara akan menggunakan sistem kiraan 30 mata atau (*Rally Point Scoring System*) tanpa *deuce* (beregu/individu yang mencapai kiraan 30 dahulu dikira pemenang). Bagi peringkat separuh akhir dan akhir pula akan menggunakan sistem kiraan 21 mata (3x21). Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

#### 4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

##### 5.1 Pertandingan Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
MINIMUM	7	1
MAKSIMUM	9	1

- 5.2 **Borang Pendaftaran Online** yang telah disahkan oleh Pengetua/Pengurus Kolej hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengeloaan Sukan, Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia.
- 5.3 Seorang pemain dibenarkan hanya bermain dalam satu acara sahaja dalam sesuatu perlawanan (*tie*).
- 5.4 Susunan perlawanan sesuatu pertandingan (*tie*) adalah seperti berikut:-
- 5.4.1 **Perseorangan Pertama**
  - 5.4.2 **Bergu Pertama**
  - 5.4.3 **Perseorangan Kedua**
  - 5.4.4 **Bergu Kedua**
  - 5.4.5 **Perseorangan Ketiga**
- 5.5 Senarai nama pemain mengikut susunan perlawanan di Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah diserahkan kepada Referi Kehormat 1 Jam sebelum sesuatu pertandingan dimulakan.
- 5.6 Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas sesuatu pertandingan dimulakan.

## **6.0 REFERI KEHORMAT/KETUA PENGADIL/PENGADIL**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN**

Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

### 9.1 Pemberian Mata

Menang	-	3 Mata
Kalah	-	0 Mata

9.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

9.2.1 Pasukan yang memenangi perbezaan bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang (matches difference).

9.2.2 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata yang terbanyak dikira menang (points difference).

9.2.3 Jika masih seri lagi, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.

## **10.0 KELEWATAN**

10.1 Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu pihak lawan akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 5 – 0.

10.2 Hanya 15 minit sahaja akan diberi kepada seseorang pemain yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 30-0 bagi peringkat kumpulan dan 21-0,21-0 bagi peringkat kalah mati

## **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PERATURAN CATUR

#### 1.0 UNDANG – UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang–Undang Persekutuan Catur Antarabangsa (FIDE) dan Peraturan Am Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

#### 2.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Setiap Kolej hanya dibenarkan mendaftar *maksimum enam (6)* orang pemain lelaki dan *6 (6)* orang pemain wanita.
- 2.2 Setiap pasukan terdiri daripada empat (4) orang pemain utama dan dua (2) orang pemain simpanan bagi pemain lelaki dan wanita. Susunan pemain adalah tetap mengikut kedudukan turutan papan. Pemain lelaki dan wanita kedua terakhir dalam senarai turutan papan adalah pemain simpanan.
- 2.3 Pendaftaran susunan pemain mengikut papan hendaklah dihantar kepada jawatankuasa pengelola sebelum pertandingan dimulakan. Hanya pemain yang didaftarkan sahaja yang dibenarkan bermain.

#### 3.0 SISTEM PERMAINAN

3.0 Pertandingan akan dijalankan secara sistem swiss *tujuh (7)* pusingan.

3.2 Pendaftaran pemain

3.2.1 Susunan pemain mengikut papan adalah tetap dan tidak boleh dipinda.

- 2.1.1 Pengurus pasukan perlu mendaftarkan pemain yang akan bermain pada setiap pusingan, 15 minit sebelum permainan dimulakan (hanya 4 orang pemain sahaja akan bermain pada setiap pusingan).
- 2.2 Kedudukan pemain semasa permainan dijalankan adalah mengikut susunan papan yang telah didaftarkan. Sekiranya berlaku kesilapan, pemain pasukan yang terlibat dikira kalah pada pusingan tersebut.
- 2.3 Kemasukan pemain gantian,
- 2.4 Kawalan Masa
  - 2.4.1 Masa permainan adalah 35 minit untuk setiap pemain. Masa penuh permainan adalah 1 jam 10minit.
  - 2.4.2 Masa menunggu adalah 35 minit sebaik sahaja permainan bermula. Sekiranya pemain gagal menghadirkan diri dalam tempoh masa yang ditetapkan, beliau dikira kalah pada pusingan tersebut.
- 2.5 Merekod Permainan
  - 2.5.1 Pemain diberi pilihan sama ada untuk merekod atau tidak pergerakan. Pemain yang ingin merekod boleh merekod pada 'scoresheet' yang telah disediakan.

#### **4.0 KEPUTUSAN**

- 4.1 Pemberian mata untuk setiap pemain adalah seperti berikut:

Menang	1 mata
Seri	$\frac{1}{2}$ mata
Kalah	0 mata

Setiap mata yang diperolehi oleh pemain akan dijumlahkan untuk mata pasukan (game-point) pada setiap pusingan.

- 4.2 Pemberian mata untuk setiap pasukan (match-point) adalah seperti berikut:

Menang	2 mata
Seri	1 mata
Kalah	0 mata

- 4.3 Sistem pemutus bagi pengiraan pasukan pemenang adalah berdasarkan:-
- 4.3.1 Game Point
  - 4.3.2 Match Point
  - 4.3.3 PE (Personal Encounter)
  - 4.3.4 Board Down Performance
- 4.4 Untuk penentuan papan terbaik, bagi pemain utama perlulah bermain sekurang-kurangnya 5 pusingan manakala untuk pemain simpanan pula perlu bermain sekurang-kurangnya 4 pusingan.
- 4.5 Bagi pengiraan untuk pemenang bagi papan terbaik adalah berdasarkan sistem pemutus berikut:-
- 4.5.1 Performance percentage
  - 4.5.2 Number of wins
  - 4.5.3 PE (Personal Encounter)
  - 4.5.4 Buchholz
- 4.6 Keputusan arbiter/pengadil adalah muktamad.

## **5.0 DISIPLIN PARA PEMAIN**

- 5.1 Penggunaan telefon bimbit atau alat komunikasi/elektronik yang berkaitan semasa permainan sedang berlangsung adalah tidak dibenarkan.
- 5.2 Pemain tidak dibenarkan makan dan merokok semasa perlawanan berlangsung.
- 5.3 Pemain hendaklah berpakaian kemas (tidak dibenarkan memakai selipar).
- 5.4 Pemain yang telah selesai bermain dikehendaki meninggalkan kawasan permainan serta merta.



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PERATURAN BOLA KERANJANG

#### 1.0 NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### 2.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA) dan Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

#### 4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

#### 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

##### 5.1 Pertandingan Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
MAKSIMUM	12	1



- 5.2 **Borang Pendaftaran Online** yang telah disahkan oleh Pengetua/Pengurus Kolej hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengeloaan Sukan, Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia.
- 5.3 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah dihantar 30 minit sebelum setiap perlawanan bermula.

## **6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN**

### 7.1 Pakaian

- 7.1.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.
- 7.1.2 Setiap pasukan adalah digalakkan menyediakan dua (2) set jersi dan salah satunya mestilah berwarna putih.

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

### 9.1 Pusingan Pertama (Liga Kumpulan)

#### 9.1.1 Pemberian Mata:

Menang	-	3 Mata
Kalah	-	1 Mata

- 9.1.2 Mengikut Undang-undang Antarabangsa (FIBA – Procedure Before The Games)
- 9.1.3 Sekiranya terdapat jumlah mata yang sama di dalam satu kumpulan, perbezaan jaringan secara kiraan purata tertinggi (hanya

di antara pasukan yang memperoleh mata yang sama sahaja) dikira pemenang. Formula kiraan; **Jumlah Jaringan dibahagi Jumlah Bolos**. *\*hanya mengambilkira pasukan yang mempunyai mata yang sama sahaja.*

## 9.2 Secara kalah mati

Mengikut Undang-undang Antarabangsa (FIBA – Procedure Before The Games)

## 9.2 Masa Bermain

9.2.1 Semua perlawanan diperingkat kumpulan dan suku akhir dan separuh adalah seperti berikut :  
10 minit\*3 minit\*10 minit. (Masa tidak akan dihentikan kecuali balingan percuma, pertukaran pemain atau "timeout")

### 9.2.2 Time-out

Semua perlawanan diperuntukkan 2 time out bagi setiap quater dan masa akan diberhentikan bagi time out tersebut.

### 9.2.3 Perlawanan peringkat akhir

Perlawanan di peringkat ini akan dijalankan adalah seperti berikut:  
7 minit\*1 minit\*7 minit\*3 minit\*7 minit\*1 minit\*7 minit.(Masa tidak akan dihentikan kecuali balingan percuma, pertukaran pemain atau "timeout")

## 10.0 KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawan akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 2 mata dan jaringan 10-0.

## 11.0 MENARIK

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

**12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

**13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

**14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

**15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PERATURAN BOLA BALING

#### 1.0 NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### 2.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan 'International Handball Federation' (IHF) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

#### 4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

#### 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

##### 5.1 Pertandingan Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
MAKSIMUM	14	1

5.2 **Borang Pendaftaran Pasukan** serta telah disahkan oleh Pengetua/Pengurus Kolej hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengelolan Sukan, Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia.

5.3 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah dihantar 15 minit sebelum setiap perlawanan bermula.

- 5.4 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam kejohanan ini.

## **6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN**

### **7.1 Pakaian**

7.1.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

7.1.2 Setiap pemain dalam setiap pasukan hendaklah mempunyai jersi yang seragam dan mempunyai nombor yang kekal seperti yang didaftarkan di sepanjang kejohanan ini berlangsung. Setiap jersi mestilah mempunyai nombor dihadapan dan dibelakang bermula dari nombor 1 hingga 20 sahaja

### **7.2 Peralatan**

7.2.1 Rujuk Perkara 9.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

7.2.2 Bola yang digunakan adalah :

7.2.2.1 Wanita - MOLTEN (Saiz 2)

Lelaki – MOLTEN (Saiz 3)

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN**

### **9.1 Secara Liga (Kumpulan)**

9.1.1 Pemberian Mata:

Menang	-	3 Mata
Seri	-	1 Mata
Kalah	-	0 Mata

9.1.2 Jika dua atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

9.1.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira menang.

9.1.2.2 Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira menang.

9.1.2.3 Jika masih seri, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya diambil kira.

9.1.2.4 Jika masih seri, balingan 7 meter akan dijalankan untuk menentukan pemenang. Sebanyak 3 balingan dibenarkan dan sekiranya masih seri maka lontaran 'sudden death' dijalankan.

## 9.2 Secara Kalah Singkir (Pusingan Kedua)

9.2.1 Jika kedudukan masih seri selepas permainan penuh masa, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut

9.2.2 Perlawanan masa tambahan selama 6 minit (3 minit -1 minit -3 minit)

9.2.3 Jika keputusan masih seri, sistem balingan 7 meter mengikut peraturan IHF akan dijalankan.

## 9.3 Masa Bermain

9.3.1 Perlawanan Peringkat Liga Kumpulan, Suku Akhir dan Separuh Akhir

9.3.1.1 Lelaki 7 minit \* 1 minit \* 7 minit

9.3.1.2 Wanita 7 minit \* 1 minit \* 7 minit

9.3.2 Perlawanan Akhir

7.3.2.1 Lelaki 10 minit \* 3 minit \* 10 minit

7.3.2.2 Wanita 10 minit \* 3 minit \* 10 minit

## 10.0 KELEWATAN

Hanya 5 minit sahaja diberi kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan 3 mata dan bilangan gol 3-0.

### **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

### **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

### **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

### **14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.



## **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

### **PERATURAN MERENTAS KAMPUS**

#### **1.0 NAMA**

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### **2.0 PERATURAN PERMAINAN**

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Kesatuan Persatuan Olahraga Antarabangsa (IAAF) Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

#### **4.0 KELAYAKAN**

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

#### **5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN**

##### **5.1 Jenis Pertandingan**

5.1.1 Kejohanan berpasukan antara pelajar Universiti Putra Malaysia.

5.1.2 Jarak/Laluan/Tempat/Masa



#### 5.1.2.1 Jarak

<b>LELAKI</b>	<b>ADK</b>
<b>WANITA</b>	<b>ADK</b>

#### 5.1.2.2 Laluan

5.1.2.2.1 Berdasarkan laluan yang diberikan mengikut kesesuaian semasa

#### 5.1.2.3 Tempat

5.1.2.3.1 Akan ditentukan kelak

#### 5.1.2.4 Masa

5.1.2.4.1 Akan ditentukan kelak

### 5.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

5.2.1 Setiap kolej digalakkan menghantar minima sebanyak 300 orang peserta bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

## **6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN**

### 7.1 Pakaian

7.1.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

7.1.2 Bersesuaian untuk acara Trek dan Padang.

7.1.3 Semasa upacara penyampaian hadiah, penerima hadiah hendaklah memakai pakaian yang kemas dan berkasut untuk menerima hadiah.

7.1.4 Nombor Peserta

7.1.4.1 Setiap peserta dikehendaki memakai nombor peserta yang telah ditetapkan di bahagian hadapan dan belakang peserta.

## 8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Semua nombor peserta akan disediakan oleh Kolej masing-masing berdasarkan turutan berikut:

BIL	KOLEJ	NOMBOR LELAKI	NOMBOR WANITA
1	KOLEJ TUN DR. ISMAIL	A 001 - A 999	A 1000 – A 1999
2	KOLEJ CANSELOR	B 001 - B 999	B 1000 – B 1999
3	KOSASS	C 001 - C 999	C 1000 – C 1999
4	KOLEJ PENDETA ZA'BA	D 001 - D 999	D 1000 – D 1999
5	KOLEJ KESEPULUH	E 001 - E 999	E 1000 – E 1999
6	KOLEJ DUA BELAS	F 001 - F 999	F 1000 – F 1999
7	KOLEJ KETIGA BELAS	G 001 - G 999	G 1000 – G 1999
8	KOLEJ KEEMPAT BELAS	H 001 - H 999	H 1000 – H 1999
9	KOLEJ KETUJUH BELAS	J 001 - J 999	J 1000 – J 1999

8.2 Nombor **Merah** untuk wanita dan **Hitam** untuk lelaki berlatar belakang kain putih.

8.3 Nombor itu perlu dapat dilihat dengan JELAS dan dipakai sepanjang kejohanan berlangsung

8.4 Masa Melaporkan Diri

8.4.1 Semua Pengurus Pasukan dikehendaki melaporkan penyertaan peserta Kolej kepada Penyelia Peserta 1 jam sebelum larian bermula.

8.4.2 Semua peserta hendaklah berada di tempat permulaan 15 minit sebelum masa perlumbaan bermula.

## 9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

9.1 Mata kemenangan akan diberi seperti berikut:

<b>Kedudukan</b>	<b>:</b>	<b>Mata</b>
Pertama	:	50
Kedua	:	45
Ketiga	:	40
Keempat	:	21 dan turutan seterusnya
Ke-20 hingga Ke-100	:	5
Ke-101 hingga Ke-200	:	4
Ke-201 hingga Ke-300	:	3
Ke-301 hingga Ke-400	:	2
Ke-401 hingga Ke-500	:	1

9.2 Setiap peserta yang tiba di lorong penamat akan diberi satu kad yang tercatat kedudukan iaitu dari 1 hingga 520 sahaja bagi setiap kategori. (Kiraan mata akan bermula pada kedudukan 1 hingga 500 sahaja manakala 20 sebagai ralat)

9.3 Untuk menentukan johan keseluruhan, jumlah himpunan mata kolej yang tertinggi dari 500 peserta yang pertama tiba akan dikira sebagai pemenang.

## **10.0 KELEWATAN**

Peserta yang melaporkan diri 10 minit sebelum acara dimulakan tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dan mereka dianggap telah menarik diri.

## **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

### **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

### **14.0 HADIAH**

14.1 Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

14.2 Perseorangan dan Berpasukan disediakan seperti berikut:

14.2.1 Individu (Lelaki dan Wanita)

Hadiah tempat pertama hingga tempat ke-10

14.2.3 Berpasukan (Lelaki dan Wanita)

Johan (Piala Iringan)

### **15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

15.1 Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

15.2 Jawatankuasa Pengelola berhak membuat sebarang pindaan untuk melicinkan perjalanan pertandingan.



## PERATURAN FUTSAL

### 1.0 NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

### 2.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

### 4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

### 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

#### 5.1 Pertandingan Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
MAKSIMUM	14	1

5.2 **Borang Pendaftaran Pasukan** yang telah disahkan oleh Pengetua/Pengurus Kolej hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengeloaan Sukan, Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia.

5.3 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah dihantar 15 minit sebelum setiap perlawanan bermula.

- 5.4 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

## **6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **7.0 PAKAIAN & PERALATAN**

- 7.1 Pakaian:

Rujuk Perkara 8.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

- 7.2 Peralatan:

Rujuk Perkara 9.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 8.1 Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

- 8.2 Masa Perlawanan adalah 7 minit (running time) bagi setiap separuh masa dan masa rehat adalah selama 1 minit. Bagi perlawanan akhir masa perlawanan adalah 10 minit (running time) perlawanan bagi setiap separuh masa dengan masa rehat 3 minit.

- 8.3 Pengantian pemain

Pasukan dibenarkan membuat pertukaran pemain tanpa had pada bila-bila masa ketika dalam permainan dengan menggunakan '*Rolling System*' tetapi setiap pertukaran mestilah di dalam zon pengantian. Pemain simpanan perlu berada di kawasan yang dikhaskan bersama pegawai pasukan dan diwajibkan untuk memakai bip sepanjang masa di kawasan tersebut.

## 9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

### 9.1 Cara memberi mata

Menang	-	3 mata
Seri	-	1 mata
Kalah	-	0 mata

9.2 Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain sesuatu perlawanan, pasukan lawan hendaklah diberi tiga (3) mata dengan jaringan 2-0. Jika terdapat mana-mana pasukan digantung atau menarik diri pertandingan atas apa-apa sebab jua pun mata dan jaringan gol yang masuk atau kena hendaklah diambil kira.

9.3 Jika Dua (2) atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

9.3.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira menang

9.3.2 Jika masih seri, pasukan yang memiliki jaringan gol terbanyak dikira sebagai pemenang

9.3.3 Jika masih seri, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawanya dalam perlawanan awal dikira sebagai pemenang

9.3.4 Jika masih seri, tendangan penalti mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) akan dijalankan untuk menentukan pemenang

### 9.4 Secara Kalah Mati (Pusingan Kedua)

Bagi peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir, perlawanan dijalankan secara kalah mati. Jika diakhiri perlawanan berkeputusan seri, maka pemenang akan ditentukan dengan cara berikut:

9.4.1 Keputusan ditentukan dalam masa tambahan selama **5 minit** separuh masa pertama dan **5 minit** separuh masa kedua tanpa masa rehat.

9.4.2 Jika masih seri, tendangan penalti mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) akan dijalankan untuk menentukan pemenang.

9.4.3 Sekiranya masih seri, sepakan penalti secara '**SUDDEN DEATH**'

## **10.0 KELEWATAN**

Hanya 15 minit sahaja diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawan akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan tiga (3) mata dan jaringan 2-0.

## **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **14.0 HADIAH**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PERATURAN PETANQUE

#### 1.0 NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### 2.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan juga adalah tertakluk kepada Undang-undang Rasmi Permainan Petanque (Official Rules of the Game of Petanque) yang ditetapkan oleh Federation Internasional de Petanque et Jeu Provençal (FIPJP) yang sedia terpakai dan pindaan-pindaannya yang dilakukan pada 06 Oktober 2006 di Grenoble, France

#### 4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

#### 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

##### 5.1 Pertandingan Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
MAKSIMUM	4	1

5.2 **Borang Pendaftaran Online** yang telah disahkan oleh Pengetua/Pengurus Kolej hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengelolan Sukan, Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia.

- 5.3 Satu senarai nama pemain hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa Pertandingan 10 minit sebelum pertandingan dimulakan.
- 5.4 Hanya pemain-pemain yang didaftarkan dalam borang Pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

## **6.0 REFERI.PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN**

Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 8.1 Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.
- 8.2 Akan dijalankan secara berpasukan dimana setiap pasukan terdiri dari 3 orang pemain yang bermain dan 1 orang pemain simpanan
- 8.3 Pertukaran pemain boleh hanya boleh dibuat pada bila bila masa selepas tamat sesuatu End @ N.
- 8.4 Pertandingan akan dijalankan dengan format permainan bermasa dan akan dijalankan selama 1 jam.
- 8.5 Perlawanan tamat pada skor 13 atau tamat had masa selama 60 minit (1 jam). Jika masa telah tamat, pasukan yang memperolehi skor tertinggi dikira pemenang. Jika skor seri, tambahan 1 end diberi sehingga terdapat mana-mana satu pasukan memperolehi mata tambahan

## **9.0 PERALATAN DAN LESEN PEMAIN**

- 9.1. Boules yang boleh digunakan untuk pertandingan adalah yang telah diiktiraf oleh FIPJP atau Persekutuan Petanque Malaysia.
- 9.2 Peserta yang bermain dengan boules yang tidak sah akan mengakibatkan keputusannya tidak diiktiraf.
- 9.3 Boules yang digunakan untuk pertandingan akan diperiksa oleh Pegawai Teknikal yang bertugas sebelum atau semasa pertandingan.
- 9.4 Pita pengukur (Measuring Tape) bagi tujuan mengukur kejauhan atau mengukur untuk penentuan mata hendaklah disediakan oleh pemain atau pasukan yang bertanding.

## **10 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

### **10.2 Pusingan Pertama (Liga Kumpulan)**

#### **10.2.1 Pemberian Mata:**

Menang	-	3 Mata
Seri	-	1 Mata
Kalah	-	0 Mata

## **11 KELEWATAN**

Hanya 10 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawan akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 3 mata dan jaringan 3-0.

## **12 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **13 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **14 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

14.2 Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

14.3 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai, keadaan cuaca buruk, kekacauan, rusuhan atau kerana hal-hal tidak dijangkakan dan perlawanan tidak dapat dimainkan atau diteruskan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada, tempat dan masa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

## **15 HADIAH**

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **16 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti



## **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

### **PERATURAN PING PONG**

#### **1.0 NAMA**

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

#### **2.0 PERATURAN PERMAINAN**

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

#### **4.0 KELAYAKAN**

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

#### **5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN**

##### **5.1 Pertandingan Berpasukan**

<b>BILANGAN PEMAIN</b>	<b>PEMAIN</b>	<b>PEGAWAI</b>
<b>MAKSIMUM LELAKI</b>	<b>9</b>	<b>1</b>
<b>MAKSIMUM WANITA</b>	<b>6</b>	<b>1</b>

- 5.2 **Borang Pendaftaran Online** yang telah disahkan oleh Pengetua/Pengurus Kolej hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** kepada Unit Pengelolan Sukan, Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia.
- 5.3 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah dihantar 15 minit sebelum setiap perlawanan bermula.
- 5.4 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran pasukan sahaja dibenarkan bermain dalam kejohanan ini.
- 5.5 Senarai nama pemain mengikut susunan hendaklah diserahkan kepada Pengadil Kehormat pertandingan 10 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 5.6 Susunan perlawanan sesuatu pertandingan adalah seperti berikut :

<b>LELAKI</b>	<b>WANITA</b>
1. Perseorangan Pertama 2. Bergu Pertama 3. Perseorangan Kedua 4. Beregu Kedua 5. Beregu Ketiga	1. Perseorangan Pertama 2. Bergu Pertama 3. Beregu Kedua

- 5.7 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja bagi satu perlawanan yang dimainkan.
- 5.8 Tidak dibenarkan pertukaran pemain selepas perlawanan dimulakan.

## **6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN**

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN**

- 7.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

- 7.2 Warna pakaian bermaina MESTILAH berbeza dengan warna bola dan mendapat kelulusan pengadil.

## **8.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 8.1 Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.
- 8.2 Setiap perlawanan akan diputuskan dengan tiga (3) Kemenangan daripada lima (5) permainan.

## **9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

- 9.1 Cara memberi mata :

Menang	-	2 Mata
Kalah	-	0 Mata

- 9.2 Jika dua (2) pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pasukan yang mengalahkan lawannya dikira menang.
- 9.3 Jika tiga (3) pasukan atau lebih mendapat jumlah mata yang sama, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :
- 9.3.1 Pasukan yang memenangi perlawanan terbanyak dikira menang.
- 9.3.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan permainan (set) terbanyak dikira menang.
